

SOALAN NO. 274

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**

**MESYUARAT KEDUA, DEWAN NEGARA**

**PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN**

**TARIKH : 24 JULAI 2017 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Dato' Takiyuddin Bin Hassan [Kota Bharu] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan kadar kesuburan di kalangan rakyat Malaysia dan apakah punca yang boleh membawa kepada kemerosotannya.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI**  
**PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN**  
**MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

Kadar Kesuburan Jumlah (KKJ) atau *Total Fertility Rate* (TFR) merujuk kepada purata bilangan anak yang akan dilahirkan sekiranya seseorang perempuan terus hidup hingga akhir tempoh umur reproduktifnya (antara umur 15 hingga 49 tahun). Sejak lebih lima dekad lalu, TFR di Malaysia telah menurun dengan pesat daripada 6.7 orang anak bagi seorang wanita pada tahun 1957 kepada 2.1 orang anak pada tahun 2010. Kadar 2.1 ini merupakan paras penggantian di mana bilangan anak yang dilahirkan hanya cukup untuk menggantikan ibu bapanya sahaja. Data terkini pada tahun 2015 menunjukkan TFR terus menurun ke paras 2.0 orang anak bagi setiap wanita.

Antara punca yang membawa kepada kemerosotan nilai TFR di Malaysia pada hari ini adalah kerana tindakan untuk menangguhkan perkahwinan/ tidak berkahwin dalam kalangan rakyat Malaysia. Berbeza

dengan masa dahulu di mana ramai pasangan berkahwin pada usia muda, kini umur kahwin dilihat semakin meningkat. Merujuk kepada Laporan Banci Penduduk oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, umur min perkahwinan pertama bagi lelaki dan perempuan telah meningkat di antara tahun 1970 hingga 2010. Dalam tempoh tersebut, umur min perkahwinan bagi lelaki telah meningkat daripada 25.5 tahun kepada 28.0 tahun dan bagi perempuan meningkat daripada 22.0 tahun kepada 25.7 tahun. Penemuan utama Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima (KPKM-5) yang dijalankan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) pada tahun 2014 juga membuktikan umur min perkahwinan pertama bagi lelaki dan perempuan telah meningkat sejak sedekad lalu. Umur min perkahwinan bagi lelaki meningkat dari 28.9 tahun pada tahun 2004 kepada 29.3 tahun pada tahun 2014 manakala dalam kalangan wanita, meningkat dari 25.3 tahun pada tahun 2004 kepada 26.2 tahun pada 2014.

### **Tuan yang di Pertua,**

Merujuk kepada laporan KPKM-5, tiga sebab utama **lelaki** masih belum berkahwin adalah disebabkan masalah kewangan (56.0%), diikuti tiada calon sesuai (18.4%) dan ingin menumpukan pada kemajuan kerjaya (9.4%). Berbeza **bagi perempuan**, sebab utama mereka masih belum

berkahwin adalah kerana tiada calon yang sesuai (35.7%), masalah kewangan (26.0%) dan kemajuan kerjaya (18.1%).

Antara punca lain adalah peningkatan wanita dalam institusi pengajian tinggi dan penyertaan mereka dalam pasaran buruh. Statistik Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2014 menunjukkan, perempuan mendominasi enrolmen pelajar di universiti awam (IPTA) dengan 61.5% pelajar perempuan berbanding 38.5% pelajar lelaki selain mempelopori hampir kesemua bidang pengajian utama di IPTA. Kadar penyertaan buruh wanita pula meningkat kepada 54.3% pada tahun 2016 berbanding 46.8% pada tahun 2010. Jurang taraf pendidikan dan penyertaan wanita dalam pasaran buruh dikhuatiri antara faktor utama mengapa wanita menghadapi kesukaran dalam mencari pasangan lelaki ideal.

Penurunan kadar kesuburan juga berkait rapat dengan peningkatan kos sara hidup yang semakin tinggi dan cabaran yang dihadapi oleh ibu bapa muda pada hari ini. Penemuan kajian *Fertility at The Crossroad: Children Now, Later or Never* yang dijalankan oleh LPPKN pada 2011 mendapati peningkatan kos pendidikan dan kedudukan kewangan semasa keluarga adalah antara faktor utama dalam menentukan keputusan isteri untuk menambah bilangan anak. Bagi ibu bapa muda

pada hari ini, mempunyai anak bererti bersedia untuk menyediakan sumber kewangan yang mencukupi dari saat anak dilahirkan hingga tamat pembelajaran di peringkat tertinggi.

### **Tuan yang di Pertua,**

Di sebalik pelbagai cabaran yang dihadapi ibubapa dalam membesarkan anak pada hari ini, penemuan KPKM-5 mendapati, wanita di Malaysia berpendapat purata bilangan anak ideal bagi setiap pasangan berkahwin di Malaysia adalah 3 orang anak. Manakala, bilangan anak yang diinginkan pula adalah seramai 4 orang anak. Pengalaman menunjukkan tiada sebuah negara maju dan kaya mempunyai kadar kesuburan yang tinggi dan Malaysia tidak terkecuali; seperti mana yang berlaku pada tahun 2015 di Hong Kong (1.2), Korea Selatan (1.2), Jepun (1.4), Thailand (1.5) dan Singapura (1.2). Unjuran yang dikeluarkan oleh *United Nations, Department of Economic and Social Affairs, Population Division (2015), World Population Prospects: The 2015 Revision* menjangkakan KKJ Malaysia akan terus turun kepada 1.9 pada tahun 2015–2020 dan turun kepada 1.79 pada tahun 2025-2030.

Walaupun Malaysia kini berada di paras penggantian, jumlah penduduk dijangka akan terus bertambah untuk tempoh beberapa dekad ke hadapan seiring dengan momentum pertumbuhan penduduk. Komposisi penduduk umur bekerja(15 – 64 tahun) akan kekal pada aras 60 peratus daripada jumlah penduduk, dipacu oleh dividen demografi yang dinikmati negara.